



## MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

### JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Melaka yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan berikut:-

| BIL | JAWATAN                              | JADUAL GAJI                                                                                     | KENAIKAN<br>GAJI<br>TAHUNAN | BIL<br>KEKOSONGAN |
|-----|--------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|-------------------|
| 1.  | PEMBANTU AWAM<br>GRED H11            | RM1,218.00 – RM2,939.00<br>ITKA - RM95.00<br>ITP - RM300.00<br>BANTUAN - RM300.00<br>SARA HIDUP | RM80.00                     | 2 (KONTRAK)       |
| 2.  | PENGAWAL<br>KESELAMATAN<br>GRED KP11 | RM 1205.00 – RM2,939.00<br>ITKA - RM95.00<br>ITP - RM300.00<br>BANTUAN - RM300.00<br>SARA HIDUP | RM80.00                     | 2 (KONTRAK)       |

### B. SYARAT LANTIKAN JAWATAN

#### JAWATAN 1 – PEMBANTU AWAM GRED H11

##### 1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).

##### 2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- Taraf Jawatan : Kontrak
- Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

**1. SYARAT LANTIKAN WAJIB**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**2. SYARAT LANTIKAN**

Kelayakan lantikan ke Gred KP11 :

- a) **Kelayakan masuk :**  
Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR)
- b) **Bidang/ Kelayakan Khusus :**  
Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00).

**ATAU**

- c) **Kelayakan masuk :**  
Bekas Polis atau Bekas Tentera
- d) **Bidang/ Kelayakan Khusus :**  
Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00).

**DAN**

- e) **Syarat Lantikan Tambahan :**
  - i) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :
    - tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
    - berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
    - mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
    - mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
    - lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
    - pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
    - diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.



### 3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian di peringkat PT3/ PMR.

- 4. Taraf Jawatan : Kontrak
- 5. Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan Dan Pertahanan Awam (K)
- 6. Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana
- 7. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan PMR/ SRP

### C. CARA-CARA MEMOHON :

1. Permohonan adalah secara *online* melalui portal permohonan kerja Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) [portal.mpag.gov.my/emohon/](http://portal.mpag.gov.my/emohon/). Anda hanya perlu mendaftar masuk sebagai pengguna dan terus *login* ke borang permohonan.
2. Pastikan anda telah melengkapkan borang permohonan *online* dengan maklumat yang betul dan juga mengikuti syarat yang diberikan sebelum menghantar permohonan.
3. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil-sijil persekolahan, kad pengenalan, sijil kelahiran, gambar terkini berukuran pasport dan lain-lain dokumen sokongan yang telah **DISAHKAN**. Sijil dan dokumen sokongan berkaitan hendaklah dimuat naik menggunakan format '**jpeg**' dengan ukuran tidak melebihi 2MB.
4. Kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat (kontrak) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan melampirkan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemas kini beserta Laporan Penilaian Prestasi.

D. TARIKH IKLAN DIBUKA : 7 NOVEMBER 2022 (ISNIN)

TARIKH IKLAN DITUTUP : 28 NOVEMBER 2022 (ISNIN)

### E. CATATAN AM :

1. Permohonan hendaklah sampai ke MPAG sebelum tarikh tutup iklan. Selepas dari tarikh tersebut permohonan anda tidak akan diterima.
2. Hanya calon-calon yang berkelayakan selepas ditapis dan di dapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
3. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah di anggap sebagai tidak berjaya.
4. Pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah **MUKTAMAD**.
5. Keutamaan akan diberikan kepada **calon yang mempunyai kemahiran dan berpengalaman dengan jawatan yang dipohon**.
6. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan kehadiran semasa ujian fizikal atau temu duga.

Pengesahan Iklan:

(TPr. SAIFUDDIN BIN ABDUL KARIM)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Alor Gajah

